



MALAYSIAN JOURNAL OF ISLAMIC DEVELOPMENT

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/myjid>

How to cite this article:

Abd. Jalal, A.F., et al. (2026). Museologi Islam sebagai kerangka epistemologi: Tauhid, amanah dan kritikan terhadap museologi sekular. *Malaysian Journal of Islamic Development*, 1(1), 13-31. <https://doi.org/10.32890/myjid2026.1.1.2>

MUSEOLOGI ISLAM SEBAGAI KERANGKA EPISTEMOLOGI: TAUHID, AMANAH DAN KRITIKAN TERHADAP MUSEOLOGI SEKULAR

¹Ahmad Farid Abd Jalal, ²Azman Yusof,

³Rahimin Affandi Abd Rahim, & ⁴Ahnaf Wafi Alias

^{1,3&4}Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Pahang, Malaysia

²Universiti Kuala Lumpur MICET (UniKL-MICET), Melaka, Malaysia

¹Corresponding author: farid.muziumpahang@gmail.com

Received: 15/2/2026

Revised: 22/4/2026

Accepted: 18/5/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan keterbatasan epistemologi museologi sekular dalam mengurus dan merepresentasikan warisan Islam di muzium. Muzium moden mendakwa diri sebagai institusi *neutral*, objektif dan beretika. Namun, pendekatan ini gagal menjawab tiga persoalan asas iaitu siapa yang berkuasa menentukan makna, apa hakikat pengetahuan, dan bagaimana tanggungjawab institusi terhadap warisan suci. Akibatnya, warisan Islam sering dilihat hanya dari sudut estetika, etnografi atau kronologi sejarah. Hal ini memutuskan hubungan artifak dengan sistem ilmu, hukum dan adab yang melahirkannya. Kajian mendapati usaha membetulkan cara pameran warisan Islam tidak memadai; sebaliknya, asas pengetahuan muzium itu sendiri perlu dibina semula. Justeru, kajian ini mengemukakan tauhid dan amanah sebagai dua prinsip teras bagi membentuk epistemologi museologi Islam. Tauhid difungsikan sebagai prinsip ontologi dan epistemologi yang menyatukan realiti, makna dan tujuan pengetahuan. Manakala, amanah berperanan sebagai prinsip tanggungjawab epistemik yang mengikat proses penghasilan, tafsiran dan penyampaian makna di muzium. Melalui analisis kajian kes di Malaysia, kajian ini membuktikan bahawa kerangka tauhid-amanah bukan sekadar idea teori, sebaliknya boleh dilaksanakan secara praktikal. Seterusnya, kajian ini memperkenalkan pendekatan museologi pasca-sekular yang mengakui agama sebagai sumber ilmu yang sah di muzium awam, sekaligus mewujudkan keadilan epistemik dalam pengurusan warisan agama.

Kata kunci: Museologi Islam, epistemologi muzium, museologi sekular, kuasa epistemik, museologi pasca-sekular.

ABSTRACT

This article examines the epistemological limitations of secular museology in the management and representation of Islamic heritage within museum institutions. Although modern museums are commonly defined as neutral, objective, and ethically grounded public knowledge institutions, such frameworks remain inadequate in addressing deeper epistemological questions concerning authority of meaning, ontological assumptions, and institutional responsibility toward religious heritage that is inherently normative and sacred. As a result, Islamic heritage is frequently reduced to aesthetic, ethnographic, or chronological categories, detaching objects from the integrated systems of knowledge, law, and ethical conduct that originally produced them. Drawing on critical museology literature and Islamic heritage studies, this article argues that the core challenge lies not merely in representational correction or ethical enhancement, but in the absence of an alternative institutional epistemology. It proposes tawhīd and amānah as foundational principles for an Islamic museological epistemology. Tawhīd functions as an ontological and epistemological principle that unifies reality, meaning, and the purpose of knowledge, while amānah operates as a principle of epistemic responsibility governing the production, interpretation, and transmission of meaning within museums. Through analytical discussion and a selected case study in Malaysia, the article demonstrates that the tawhīd–amānah framework is not only theoretically coherent but also operable as an institutional epistemology in museological practice. This study contributes to critical museology by advancing a post-secular museological framework that recognizes religion as a legitimate epistemological source within public knowledge institutions and promotes epistemic justice in the management of religious heritage.

Keywords: *Islamic museology, museum epistemology, secular museology, epistemic power, post-secular museology.*

PENGENALAN

Muzium moden lazimnya difahami sebagai institusi pengetahuan awam yang berfungsi secara neutral dan objektif melalui aktiviti pengumpulan, konservasi, penyelidikan, interpretasi dan pameran warisan ketara serta tidak ketara. Kefahaman ini diperkukuh oleh definisi rasmi muzium yang menekankan profesionalisme, etika, keterangkuman, aksesibiliti dan penyertaan komuniti sebagai prinsip teras institusi permuziuman kontemporari (International Council of Museums [ICOM], 2022). Dalam wacana arus perdana, muzium sering digambarkan sebagai ruang yang memelihara fakta sejarah dan budaya secara telus, sekali gus berfungsi sebagai medium pendidikan awam yang bebas daripada kepentingan ideologi tertentu.

Walau bagaimanapun, takrifan sedemikian masih meninggalkan persoalan epistemologi yang lebih mendasar. Definisi muzium yang menekankan fungsi dan nilai normatif tidak menjelaskan bagaimana pengetahuan muzium dihasilkan, siapakah yang memiliki autoriti untuk mentafsir makna artifak dan sejarah, serta apakah asas ontologi yang membimbing pembinaan naratif dan struktur pameran. Persoalan-persoalan ini penting kerana muzium bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi membentuk cara masyarakat memahami realiti sejarah, identiti budaya dan nilai peradaban (Hooper-Greenhill, 2000).

Dalam kajian museologi kritikal, muzium telah lama difahami sebagai institusi epistemik yang terlibat secara aktif dalam penghasilan dan pengawalan makna. Muzium bukan sekadar ruang penyimpanan objek, tetapi medan pedagogi yang menyusun pengalaman visual, naratif dan *spatial* bagi membentuk

subjek sosial tertentu. Melalui sistem klasifikasi, bahasa interpretasi dan susunan pameran, muzium menetapkan apa yang dianggap sebagai pengetahuan sah dan bernilai dalam ruang awam (Bennett, 1995). Dalam konteks ini, dakwaan *neutrality* muzium sering berfungsi sebagai wacana legitimasi yang menyamarkan kuasa epistemik di sebalik keputusan kuratorial dan institusi.

Sebagai institusi pedagogi, muzium membentuk cara melihat (*ways of seeing*) yang mempengaruhi pemahaman awam terhadap sejarah dan budaya. Naratif yang dibina melalui pameran tidak bersifat pasif atau deskriptif semata-mata, sebaliknya mengandungi andaian tertentu tentang kemajuan, tamadun dan hierarki nilai. Oleh itu, persoalan epistemologi dalam museologi tidak boleh dipisahkan daripada persoalan kuasa dan autoriti pengetahuan, khususnya dalam konteks masyarakat pasca-kolonial dan berbilang budaya (Macdonald, 2013).

Isu epistemologi ini menjadi lebih kompleks apabila muzium berurusan dengan warisan Islam. Dalam tradisi Islam, objek, teks dan amalan tidak dapat dipisahkan daripada dimensi sakral, autoriti ilmu dan adab representasi. Ilmu dalam Islam tidak difahami sebagai maklumat *neutral*, tetapi sebagai amanah yang terikat dengan tanggungjawab moral dan tujuan kebenaran. Namun, dalam banyak konteks permuziuman moden, warisan Islam dipamerkan melalui kerangka sekular yang cenderung mereduksi Islam kepada kategori estetika, etnografi atau kronologi sejarah.

Pendekatan ini memisahkan artifak daripada sistem ilmu, hukum dan adab yang melahirkannya, sekali gus menghilangkan kesatuan makna asal tradisi Islam (Flood, 2009; Shaw, 2019). Akibatnya, nilai Islam dalam muzium sering hadir sebagai elemen tambahan yang bersifat simbolik atau etika luaran, bukan sebagai asas epistemologi yang membentuk keseluruhan sistem kuratorial. Islam mungkin disebut dalam teks pameran atau reka bentuk visual, tetapi tidak berfungsi sebagai kerangka pengetahuan yang menentukan cara makna dihasilkan, disusun dan dipertanggungjawabkan. Keadaan ini mencerminkan keterbatasan museologi sekular dalam menangani warisan keagamaan yang bersifat normatif dan sakral, kerana kerangka tersebut secara asasnya memisahkan agama daripada autoriti pengetahuan awam (Asad, 2003; Taylor, 2007).

Berdasarkan latar itu, kajian ini menegaskan bahawa pendekatan sedia ada tidak mencukupi untuk memahami dan mengurus warisan Islam secara berautoriti. Museologi Islam perlu difahami dan dibangunkan sebagai kerangka epistemologi institusi iaitu satu sistem pengetahuan yang menghubungkan tujuan ontologi, tanggungjawab moral, metodologi kerja dan akauntabiliti institusi secara bersepadu. Pendekatan ini tidak menolak sepenuhnya sumbangan teknikal dan profesional museologi moden, tetapi menuntut satu asas epistemologi yang lebih selari dengan tradisi ilmu Islam.

Untuk tujuan tersebut, kajian ini mengemukakan tauhid dan amanah sebagai dua prinsip teras yang membentuk asas epistemologi museologi Islam. Tauhid berfungsi sebagai prinsip ontologi dan teleologi yang menyatukan pengetahuan, nilai dan tujuan, manakala amanah berperanan sebagai mekanisme akauntabiliti moral dan hukum dalam penghasilan serta penyampaian makna. Dengan meletakkan kedua-dua prinsip ini sebagai asas institusi, museologi Islam dapat difahami bukan sekadar sebagai pendekatan etika atau identiti budaya, tetapi sebagai sistem pengetahuan yang mempunyai implikasi langsung terhadap struktur naratif, keputusan kuratorial dan tanggungjawab muzium dalam Masyarakat.

JURANG KAJIAN

Meskipun wacana museologi kritis telah lama membongkar dakwaan neutraliti muzium sebagai instrumen kuasa epistemik, dan kajian warisan Islam pula giat mengkritik representasi orientalis serta menekankan etika keterangkuman terhadap sensitiviti agama, namun usaha untuk membangunkan kerangka epistemologi positif berasaskan tradisi ilmu Islam itu sendiri masih belum wujud secara sistematik. Literatur sedia ada, sama ada dalam karya Bennett (1995), Hooper-Greenhill (2000) dan Macdonald (2013) tentang pedagogi dan kuasa muzium, ataupun dalam kajian Flood (2009) dan Shaw (2019) tentang perwakilan Islam di muzium Barat, namun ia masih terbatas kepada dua pendekatan utama: pertama, kritik pascakolonial yang melihat agama semata-mata sebagai identiti atau politik perwakilan; kedua, pendekatan etika dan teknikal yang cuba menyesuaikan warisan Islam ke dalam kerangka museologi sekular tanpa mempersoalkan asas ontologi dan metodologi kerangka tersebut.

Akibatnya, tiada satu pun kajian yang menghubungkan secara sistematik prinsip-prinsip epistemologi Islam seperti tauhid dan amanah dengan operasi konkrit institusi muzium termasuk klasifikasi, interpretasi, kurasi, pembinaan naratif dan akauntabiliti awam. Lebih kritikal lagi, museologi kontemporari yang berpandukan definisi rasmi ICOM (2022) masih mengabaikan persoalan bagaimana institusi muzium boleh menangani warisan keagamaan yang bersifat normatif dan sakral, iaitu makna tidak boleh direduksi kepada estetika, kronologi atau rundingan awam semata-mata. Justeru, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menawarkan tauhid sebagai prinsip ontologi dan teologi serta amanah sebagai mekanisme akauntabiliti moral dan hukum, sekaligus membuka ruang untuk memahami museologi Islam bukan sekadar sebagai pendekatan etika tambahan, tetapi sebagai sistem pengetahuan institusi yang berautoriti dan setara, bahkan kritikal terhadap kerangka museologi moden yang sekular.

ANALISIS LITERATUR: MUSEOLOGI SEKULAR, KUASA EPISTEMIK DAN WARISAN ISLAM

Perbincangan mengenai autoriti epistemik muzium moden harus bermula dengan pengakuan bahawa institusi ini tidak pernah *neutral*, sebaliknya muncul sebagai sebahagian daripada projek modeniti dan pembentukan negara-bangsa. Di sinilah sumbangan Bennett (1995) menjadi asas yang penting iaitu beliau menunjukkan bahawa muzium berfungsi sebagai teknologi *governance* yang mendisiplinkan subjek sosial melalui susunan artifak, klasifikasi dan naratif sejarah yang dipilih secara institusi. Namun, hujah Bennett masih terbatas kepada analisis kuasa institusi tanpa menjelaskan secara mendalam bagaimana makna dihasilkan secara aktif dalam ruang muzium. Jurang inilah yang kemudiannya diisi oleh Hooper-Greenhill (2000), yang memperkukuh hujah Bennett dengan menegaskan bahawa muzium merupakan institusi penghasilan makna (*meaning-making institutions*) di mana objek tidak mempunyai makna intrinsik, sebaliknya makna dibina melalui konteks pameran, bahasa interpretasi dan interaksi institusi-pengunjung. Dengan menghubungkan Bennett dan Hooper-Greenhill secara kritis, dapat dilihat bahawa kuasa muzium (dalam kerangka Bennett) sebenarnya dilaksanakan melalui proses penghasilan makna (dalam kerangka Hooper-Greenhill) iaitu, autoriti institusi bukan sekadar autoriti fizikal susunan ruang, tetapi autoriti epistemik untuk menentukan tafsiran yang sah.

Namun, kedua-dua sarjana ini, meskipun berjaya membongkar sifat tidak *neutral* muzium, masih belum menjawab persoalan yang lebih asas: dalam *horizon epistemologi* apakah proses penghasilan makna ini beroperasi? Di sinilah analisis Asad (2003) dan Taylor (2007) memberikan dimensi baharu yang

mengkritik secara tidak langsung keterbatasan Bennett dan Hooper-Greenhill. Asad dan Taylor menunjukkan bahawa ruang awam moden, termasuk muzium, dibentuk oleh projek *secularity* epistemik yang menentukan bentuk kebenaran, rasionaliti dan autoriti yang diterima sebagai sah. *Secularity* bukan sekadar ketiadaan agama, tetapi satu kerangka yang menolak kemungkinan agama berfungsi sebagai sumber pengetahuan normatif dalam institusi awam. Apabila hujah ini dibawa ke dalam perbincangan museologi, maka dapat difahami mengapa muzium moden walaupun sudah sedar tentang “ketidakneutralannya” masih gagal menangani warisan keagamaan secara berautoriti: kerana kerangka sekular yang menjadi tapak operasinya secara struktural memisahkan agama daripada domain pengetahuan awam yang sah. Dengan kata lain, kritik terhadap *neutrality* muzium oleh Bennett dan Hooper-Greenhill, jika tidak dilengkapi dengan kritik terhadap *secularity* epistemik oleh Asad dan Taylor, hanya akan menghasilkan kesedaran tentang kuasa institusi tanpa mengubah asas pengetahuan yang menggerakkan kuasa tersebut.

Implikasi daripada keterbatasan ini menjadi jelas apabila melihat bagaimana unsur sakral dalam tradisi Islam dipamerkan di muzium. Flood (2009) dan Shaw (2019) secara konsisten menunjukkan bahawa warisan Islam sering direduksi kepada kategori estetika, etnografi atau kronologi Sejarah iaitu pendekatan yang memecahkan kesatuan makna asal tradisi Islam yang tidak memisahkan agama, ilmu, hukum dan amalan sosial. Namun, sumbangan Flood dan Shaw tidak boleh dibaca sebagai sekadar kritik terhadap representasi yang salah; sebaliknya, ia harus difahami sebagai bukti empirik terhadap apa yang diramalkan oleh Asad dan Taylor iaitu, kerangka sekular memerlukan agama diubah suai menjadi bentuk yang selamat untuk wacana awam (seni, budaya, sejarah), sementara dimensi normatif, teologis dan sakralnya diketepikan. Oleh itu, masalah yang dihadapi oleh warisan Islam di muzium bukanlah masalah teknikal atau *representasional* semata-mata, tetapi masalah epistemologi yang berakar umbi dalam *secularity* institusi muzium itu sendiri.

Menghadapi masalah ini, wacana dekolonisasi dalam museologi (seperti yang dibincangkan oleh Smith, 2006 dan Macdonald, 2013) menawarkan satu jalan keluar yang kelihatan menjanjikan, iaitu dengan membetulkan representasi, memberi ruang kepada suara komuniti asal dan mencabar naratif hegemonik. Namun, apabila dianalisis secara kritis, pendekatan dekolonisasi masih berkongsi satu kelemahan asas dengan pendekatan yang dikritiknya: ia masih beroperasi dalam horizon epistemologi sekular yang sama. Sebagaimana diujahkan oleh Smith dan Macdonald, perubahan yang dibawa oleh dekolonisasi sering bersifat *representasional* dan simbolik, iaitu menukar siapa yang bercakap dan bagaimana mereka diwakili, tetapi tidak mempersoalkan apakah asas ontologi yang menentukan apa itu pengetahuan yang sah, bagaimana makna dihasilkan, dan siapakah yang berautoriti untuk mentafsir. Dalam konteks warisan Islam, dekolonisasi mungkin berjaya membawa lebih banyak kurator Muslim atau suara komuniti ke dalam muzium, tetapi selagi kerangka epistemologi yang digunakan masih sekular (misalnya, objek sakral tetap dianggap sebagai artifak sejarah atau seni, bukan sebagai amanah ilmu yang mengikat), maka perubahan yang berlaku hanyalah perubahan kulit, bukan transformasi struktural.

Dengan menyusun hujah daripada Bennett (kuasa institusi) kepada Hooper-Greenhill (penghasilan makna), kemudian kepada Asad dan Taylor (kritik terhadap sekulariti epistemik), seterusnya kepada Flood dan Shaw (implikasi empirik terhadap warisan Islam) dan akhirnya kepada Smith dan Macdonald (keterbatasan dekolonisasi), satu kesimpulan yang tidak dapat dielakkan ialah wujud jurang yang signifikan dalam literatur museologi kontemporari, iaitu ketiadaan kerangka epistemologi alternatif yang mampu menangani warisan Islam secara menyeluruh. Jurang ini bukan sekadar jurang teknikal atau *representasional*, tetapi jurang paradigmatis: semua pendekatan sedia ada; sama ada yang menerima *neutrality* muzium, yang mengkritik kuasanya, atau yang cuba mendekolonisasinya, masih

terperangkap dalam *assumptions* sekular yang memisahkan agama daripada autoriti pengetahuan awam. Justeru, apa yang diperlukan bukanlah penambahbaikan kecil terhadap amalan sedia ada, tetapi pembangunan museologi alternatif yang berasaskan epistemologi Islam iaitu satu kerangka di mana tauhid dan amanah menjadi prinsip ontologi dan metodologi yang membentuk keseluruhan sistem pengetahuan institusi, bukan sekadar etika tambahan atau identiti budaya. Perbincangan seterusnya akan beralih kepada metodologi kajian yang digunakan untuk membina kerangka epistemologi alternatif tersebut.

METODOLOGI KAJIAN: PENDEKATAN NARATIF DESKRIPTIF BERASASKAN ANALISIS EPISTEMOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan naratif deskriptif yang berasaskan analisis epistemologi. Pendekatan tersebut dijalankan melalui tiga tahap analisis yang berturutan. Tahap pertama menelusuri kerangka epistemologi museologi sekular dengan memberi tumpuan kepada cara konsep *neutrality*, objektiviti dan profesionalisme difahami dalam wacana muzium moden. Penelusuran ini dilakukan melalui pembacaan kritikal terhadap karya-karya teori museologi dan kajian warisan, antaranya daripada Bennett, Hooper-Greenhill dan Macdonald, yang membincangkan muzium sebagai teknologi representasi dan pemerintahan pengetahuan. Tahap kedua melibatkan analisis konseptual terhadap kedudukan warisan Islam dalam kerangka permuziuman moden. Perhatian khusus diberikan kepada ketegangan antara epistemologi sekular yang cenderung memisahkan pengetahuan daripada nilai normatif dengan tradisi Islam yang menganggap ilmu sebagai terikat kepada tujuan moral dan adab. Tahap ketiga pula merupakan pembinaan kerangka interpretatif yang berasaskan prinsip tauhid dan amanah melalui penalaran konseptual. Penalaran ini menstrukturkan hubungan antara ontologi, epistemologi dan tanggungjawab institusi.

Kerangka tauhid-amanah dibangunkan secara sistematik daripada analisis literatur dan kajian kes melalui beberapa proses yang saling berkait. Pertama, berdasarkan analisis literatur museologi sekular, penulis mengenal pasti keterbatasan struktural pendekatan sekular apabila berhadapan dengan warisan Islam yang bersifat sakral dan normatif. Keterbatasan tersebut khususnya merujuk kegagalan pendekatan sekular untuk mengakomodasi konsep ilmu yang terikat dengan adab dan tujuan moral. Seterusnya, penulis merujuk kepada tradisi keilmuan Islam, terutamanya karya al-Attas dan Kamali, bagi mengeluarkan prinsip tauhid sebagai ontologi dan teleologi yang menyatukan makna, serta prinsip amanah sebagai mekanisme akauntabiliti epistematik dan moral dalam penghasilan serta penyampaian pengetahuan. Proses ini dilakukan melalui kaedah pengutamaan prinsip asas (*uṣūl*) sebelum perincian aplikasi (*furū*). Maksudnya, tauhid difungsikan terlebih dahulu sebagai asas kesatuan sumber makna, diikuti dengan amanah sebagai kerangka tanggungjawab institusi.

Bagi memastikan kerangka ini tidak kekal abstrak, kajian kes terpilih digunakan sebagai ilustrasi empirik yang berteraskan teori. Penggunaan kajian kes ini bukanlah untuk tujuan generalisasi, sebaliknya untuk meneliti sejauh mana prinsip tauhid dan amanah dapat dikesan dalam struktur naratif, bahasa interpretasi dan keputusan kuratorial sesebuah muzium. Pendekatan yang dikenali sebagai *theory-guided illustrative case* ini membolehkan hubungan antara teori dan amalan diuji secara terbatas namun bermakna. Keseluruhan proses tersebut menjamin kesahan epistematik kajian melalui ketekalan dalaman hujah, kejelasan logik dan kesesuaian antara kerangka yang dibangunkan dengan sifat warisan Islam yang dikaji. Hal ini selaras dengan amalan penyelidikan konseptual dalam bidang kemanusiaan.

KERANGKA TEORITIKAL: TAUHID DAN AMANAH SEBAGAI ASAS EPISTEMOLOGI MUSEOLOGI ISLAM

Museologi Islam hanya dapat dibangun secara koheren apabila ia berakar pada satu kerangka epistemologi yang jelas, bukan sekadar pada penyesuaian etika atau pengayaan naratif dalam struktur sekular sedia ada. Dalam tradisi intelektual Islam, dua konsep teras yang membentuk asas kepada kerangka epistemologi institusi ialah tauhid dan amanah. Kedua-duanya bukan prinsip moral terasing, tetapi struktur pemikiran yang menyusun hubungan antara realiti, ilmu dan tanggungjawab manusia terhadap makna.

Tauhid sebagai Prinsip Ontologi

Tauhid dalam tradisi Islam menegaskan kesatuan realiti dan menolak pemisahan mutlak antara yang sakral dan yang profan. Prinsip ini membawa implikasi ontologi yang mendalam, iaitu realiti tidak difahami sebagai himpunan fenomena terasing, tetapi sebagai satu kesatuan makna yang terarah kepada kebenaran dan keadilan. Dalam kerangka ini, sejarah, budaya, ilmu dan amalan sosial tidak berdiri secara autonomi daripada nilai dan tujuan (al-Attas, 1993; Nasr, 1989).

Apabila diaplikasikan pada institusi muzium, tauhid menolak fragmentasi makna yang memisahkan warisan Islam kepada kategori estetik, etnografik atau kronologi semata-mata. Artifak, teks dan amalan Islam tidak dapat difahami secara tepat jika dipisahkan daripada sistem ilmu, hukum dan adab yang melahirkannya. Oleh itu, tauhid menuntut agar warisan Islam ditafsir sebagai sebahagian daripada satu ekologi makna yang menyatukan dimensi sejarah, keilmuan dan kehidupan sosial.

Prinsip tauhid dalam konteks ontologi mendorong kurator untuk tidak mempamerkan manuskrip al-Quran semata-mata sebagai objek kaligrafi atau artifak sejarah. Sebaliknya, kurator perlu memastikan setiap pameran menyediakan konteks keilmuan yang lengkap, seperti menerangkan aspek turunnya wahyu, ilmu tajwid, adab membaca al-Quran, serta peranan manuskrip tersebut dalam tradisi pendidikan Islam. Dari sudut pengurusan koleksi, muzium perlu mengelak daripada mencampurkan artifak yang bersifat sakral (seperti mushaf atau serpihan Kaabah) dengan objek harian tanpa batasan fizikal dan simbolik yang jelas, bagi mengekalkan penghormatan terhadap kesuciannya.

Tauhid sebagai Prinsip Epistemologi

Sebagai prinsip epistemologi, tauhid menegaskan bahawa ilmu tidak bersifat *neutral* atau bebas nilai. Pengetahuan sentiasa terikat dengan tujuan, adab dan tanggungjawab terhadap kebenaran. Dalam epistemologi Islam, kebenaran tidak ditentukan semata-mata oleh prosedur teknikal atau konsensus institusi, tetapi oleh kesesuaian ilmu dengan realiti, tujuan moral dan adab penghasilannya (al-Attas, 1993).

Dalam konteks museologi, prinsip ini membawa implikasi bahawa tafsiran pameran dan naratif kuratorial bukan keputusan teknikal atau estetik semata-mata. Ia merupakan tindakan epistemik yang membentuk kefahaman awam tentang Islam dan sejarahnya. Tauhid menolak relativisme makna yang menafikan tanggungjawab epistemik, namun pada masa yang sama mengiktiraf kepelbagaian tafsiran dalam batas adab dan kebenaran. Dengan itu, tauhid menyediakan horizon epistemologi yang menyeimbangkan antara kepelbagaian dan tanggungjawab makna.

Dalam amalan label pameran dan panel interpretasi, prinsip tauhid menuntut agar kurator mengelakkan bahasa yang bersifat agnostik atau relativistik seperti "menurut sesetengah pihak" atau "mungkin begini, mungkin begitu" tanpa asas yang jelas. Sebaliknya, kurator perlu membangunkan naratif yang berasaskan sumber otoritatif dalam tradisi Islam, seperti kitab turath, fatwa ulama atau manuskrip klasik yang sahih. Secara praktikal, muzium boleh membentuk jawatankuasa semakan epistemologi yang terdiri daripada ahli akademik dan tradisionalis Islam untuk memastikan setiap tafsiran yang dipamerkan tidak menyimpang daripada prinsip asas tauhid. Selain itu, latihan kuratorial perlu merangkumi modul tentang adab ilmu dalam Islam, agar kurator sedar bahawa pekerjaan mereka bukan sekadar teknikal tetapi juga epistemik dan moral.

Amanah sebagai Prinsip Tanggungjawab Epistemik

Sekiranya tauhid menetapkan struktur makna dan tujuan pengetahuan, amanah pula menegaskan tanggungjawab manusia terhadap ilmu dan makna yang diuruskan. Dalam tradisi Islam, amanah merujuk kepada kewajipan moral dan hukum untuk memelihara, menyampaikan dan menggunakan sesuatu secara adil dan beradab, termasuk ilmu dan simbol makna (Kamali, 2010).

Dalam institusi muzium, amanah berfungsi sebagai prinsip epistemik yang mengikat pengurusan objek, pembinaan naratif dan interaksi dengan khalayak. Artifak tidak dianggap sebagai bahan pameran *neutral*, tetapi sebagai pembawa makna yang mempunyai konteks, tujuan dan nilai tertentu. Amanah menuntut agar artifak dipersembahkan dengan kefahaman terhadap asal-usul, fungsi dan kedudukannya dalam tradisi Islam, tanpa penyahkonteksan yang mereduksi makna.

Prinsip amanah diterjemahkan melalui pelaksanaan dasar pengurusan koleksi yang telus dan beretika. Sebagai contoh, setiap artifak yang masuk ke dalam koleksi muzium Islam perlu didokumentasikan dengan lengkap riwayat perolehannya (*provenance*) bagi memastikan ia diperolehi secara sah dan tidak melibatkan rompakan, pemerdagangan haram atau penjarahan warisan. Dari sudut pemeliharaan, amanah menuntut agar muzium melabur dalam storan dan konservasi yang bersesuaian dengan sifat bahan artifak, termasuk memisahkan objek sakral seperti naskhah al-Quran, rambut Nabi atau peninggalan wali dalam ruang penyimpanan khas yang bersih, terhormat dan tidak diakses secara sembarangan. Pengurusan muzium juga perlu menyediakan garis panduan khusus untuk pengendalian objek sakral (*handling policy*) yang mewajibkan petugas berwuduk, memakai sarung tangan bersih, dan tidak mempamerkan objek tertentu secara langsung tanpa lapisan pelindung yang hormat.

Amanah dalam Naratif dan Representasi

Amanah juga menuntut tanggungjawab dalam pembinaan naratif dan representasi. Bahasa interpretasi, susunan pameran dan pemilihan tema bukan tindakan bebas nilai, tetapi keputusan epistemik yang mempengaruhi kefahaman awam. Dalam kerangka amanah, kurator tidak boleh bersembunyi di sebalik dakwaan *neutraliti* institusi untuk mengelakkan tanggungjawab terhadap kesan sosial dan intelektual naratif yang dibina. Prinsip ini menolak pendekatan sensasi, stereotaip atau *estheticize* berlebihan terhadap warisan Islam. Sebaliknya, amanah menuntut kejujuran epistemik, keseimbangan tafsiran dan kesetiaan terhadap tradisi ilmu yang menjadi sumber makna warisan tersebut.

Ketika merancang sesebuah pameran tentang tamadun Islam, kurator yang mengamalkan prinsip amanah akan mengelak daripada memaparkan imej aurat atau adegan sensitif (seperti babak penghakiman di mahkamah Islam atau pelaksanaan hudud) dengan cara yang sensasi atau tanpa konteks. Sebaliknya, kurator perlu menyediakan konteks sejarah, *fiqh* dan adab yang lengkap, serta

mendapatkan nasihat daripada pihak berautoriti sebelum membuat keputusan kuratorial yang berisiko menimbulkan salah faham. Selain itu, amanah menuntut agar naratif muzium tidak dipengaruhi oleh agenda politik, orientalis atau komersial yang memesongkan makna warisan Islam. Sebagai langkah praktikal, muzium boleh mewujudkan lembaga penasihat etika kuratorial yang terdiri daripada cendekiawan pelbagai bidang (*fiqh*, sejarah, seni Islam) untuk menilai draf naratif pameran sebelum ia dilancarkan kepada umum. Muzium juga perlu menyediakan ruang maklum balas dan mekanisme pembetulan bagi pihak awam yang merasakan sesuatu representasi tidak adil atau melanggar prinsip amanah.

Kesalinghubungan Tauhid dan Amanah sebagai Struktur Epistemologi

Tauhid dan amanah membentuk satu struktur epistemologi yang saling melengkapi. Tauhid menetapkan kesatuan realiti dan tujuan ilmu, manakala amanah memastikan kesatuan tersebut diterjemahkan ke dalam tanggungjawab epistemik yang nyata. Tanpa tauhid, amanah kehilangan orientasi ontologi; tanpa amanah, tauhid kekal sebagai prinsip abstrak tanpa implikasi institusi. Gabungan kedua-dua prinsip ini menghasilkan satu kerangka epistemologi yang menstrukturkan cara pengetahuan dihasilkan, ditafsir dan dipertanggungjawabkan dalam muzium. Dalam kerangka ini, nilai tidak berfungsi sebagai hiasan normatif luaran, tetapi sebagai asas dalaman yang membentuk logik institusi. Museologi Islam, dengan itu, dapat difahami sebagai satu sistem pengetahuan yang menyeluruh dan berautoriti, bukan sekadar variasi etika dalam museologi sekular.

Secara operasional, penyatuan tauhid dan amanah boleh diterjemahkan melalui pelaksanaan Dasar Museologi Islam Bersepadu yang merangkumi empat komponen utama: Pertama, polisi akuisisi berteraskan etika iaitu muzium hanya menerima sumbangan atau pembelian artifak yang sumbernya jelas, halal, dan tidak menjejaskan maruah Islam. Kedua, protokol pameran bertingkat (*tiered exhibition protocol*); objek sakral (seperti mushaf lama atau peninggalan nabi) dipamerkan secara berbeza daripada objek biasa, termasuk dari segi pencahayaan, ketinggian rak, akses pengunjung dan keperluan adab seperti tidak membelakangi objek tersebut. Ketiga, latihan wajib tahunan kuratorial dalam adab dan epistemologi Islam iaitu setiap kurator dan petugas muzium perlu mengikuti kursus tentang tauhid sebagai asas interpretasi dan amanah sebagai asas tanggungjawab profesional. Keempat, audit epistemologi berkala iaitu setiap tiga tahun, muzium menjalankan audit bebas terhadap semua panel pameran, label dan naratif digital bagi memastikan kesesuaiannya dengan prinsip tauhid dan amanah, serta membuat pembetulan jika ditemui sebarang penyelewengan makna. Dengan cara ini, tauhid dan amanah bukan sahaja kekal sebagai konsep abstrak dalam kerangka teoretikal, tetapi menjadi panduan kerja yang konkrit, terukur dan boleh dilaksanakan dalam pengurusan muzium harian.

MATRIKS KERANGKA TEORITIKAL TAUHID–AMANAH DALAM MUSEOLOGI ISLAM

Jadual 1

Matriks Kerangka Teoretikal Tauhid

Dimensi Analisis	Tauhid	Amanah	Implikasi Terhadap Museologi Islam
Kedudukan konseptual	Asas ontologi & epistemologi	Tanggungjawab epistemik & moral	Membentuk struktur dalaman institusi

Dimensi Analisis	Tauhid	Amanah	Implikasi Terhadap Museologi Islam
Fungsi Utama	Kesatuan realiti, makna & tujuan ilmu	Mengikat ilmu & makna dengan tanggungjawab	Muzium sebagai institusi ilmu, bukan ruang pameran <i>neutral</i>
Hubungan dengan Ilmu	Terarah kepada kebenaran & keadilan	Mesti disampaikan secara adil & beradab	Pengetahuan muzium mesti dipertanggungjawabkan
Implikasi terhadap Artifak	Ia sebahagian daripada ekologi makna Islam	Pembawa amanah sejarah dan nilai	Tidak boleh dipisahkan daripada konteks ilmu, hukum & adab
Implikasi terhadap Naratif	Mencerminkan kesatuan agama–budaya–sejarah	Jujur, seimbang & tidak menyeleweng	Tafsiran pameran ialah tindakan epistemik, bukan keputusan teknikal
Sikap terhadap Neutraliti	Menolak pemisahan fakta–nilai	Menolak pelepasan tanggungjawab atas nama <i>neutrality</i>	Diganti dengan akauntabiliti epistemik
Sikap terhadap Pluraliti Tafsiran	<i>Plurality</i> dalam batas kebenaran	<i>Plurality</i> melalui adab & tanggungjawab	<i>Plurality</i> tanpa relativisme makna
Peranan Kurator	Penafsir dalam horizon makna yang bersatu	Penjaga amanah ilmu & makna	Agen epistemik, bukan fasilitator <i>neutral</i>
Tahap Operasi	Menetapkan orientasi ontologi & tujuan	Menterjemah orientasi kepada praktikal	Teori → struktur makna → amalan institusi
Hasil Institusi	Kesatuan makna	Kejujuran & akauntabiliti	Museologi Islam sebagai epistemologi institusi

Ringkasan Huraian Analitik Matriks

Matriks ini menunjukkan bahawa tauhid dan amanah berfungsi pada dua tahap berbeza tetapi saling melengkapi dalam pembentukan epistemologi museologi Islam. Tauhid beroperasi pada tahap ontologi dan epistemologi asas, iaitu menetapkan bagaimana realiti, ilmu dan makna difahami sebagai satu kesatuan yang terarah kepada kebenaran dan keadilan. Melalui tauhid, museologi Islam menolak fragmentasi makna yang lazim dalam museologi sekular, khususnya pemisahan antara agama, budaya dan sejarah.

Sebaliknya, amanah beroperasi pada tahap tanggungjawab epistemik dan institusi, iaitu memastikan kesatuan makna yang ditetapkan oleh tauhid diterjemahkan ke dalam pengurusan artifak, pembinaan naratif dan interaksi dengan khalayak. Amanah menegaskan bahawa pengetahuan dan simbol makna tidak boleh diurus secara bebas nilai atau dilepaskan daripada tanggungjawab atas nama neutraliti profesional.

Gabungan tauhid dan amanah membentuk satu struktur epistemologi berhierarki: tauhid menetapkan tujuan dan horizon makna, manakala amanah memastikan tujuan tersebut dipelihara melalui adab, kejujuran dan akauntabiliti. Dalam kerangka ini, nilai tidak berfungsi sebagai hiasan normatif luaran, tetapi sebagai asas dalaman yang menentukan bagaimana pengetahuan dihasilkan, ditafsir dan dipertanggungjawabkan. Oleh itu, museologi Islam dapat difahami sebagai sistem pengetahuan institusi yang menyeluruh, bukan sekadar variasi etika dalam museologi sekular.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS: IMPLIKASI KERANGKA TAUHID-AMANAH TERHADAP MUSEOLOGI SEKULAR

Kerangka tauhid dan amanah yang diuraikan sebelum ini membawa implikasi yang mendalam terhadap cara museologi sekular memahami pengetahuan, neutraliti dan autoriti makna. Perbincangan ini tidak bertujuan menolak keseluruhan sumbangan museologi moden, sebaliknya menilai keterbatasan epistemologinya apabila berhadapan dengan warisan Islam dan, secara lebih luas, warisan keagamaan yang bersifat normatif dan sakral.

Cabaran terhadap Konsep Neutraliti Muzium

Salah satu implikasi paling asas kerangka tauhid, amanah ialah cabaran langsung terhadap konsep neutraliti yang menjadi teras kepada museologi sekular. Dalam epistemologi sekular, neutraliti sering difahami sebagai pemisahan antara fakta dan nilai, serta antara pengetahuan dan kepercayaan. Muzium dianggap neutral apabila ia mengelakkan penghakiman normatif dan menampilkan maklumat secara deskriptif.

Namun, kerangka tauhid menolak andaian bahawa pengetahuan boleh dipisahkan daripada nilai dan tujuan. Dalam konteks ini, dakwaan neutraliti bukan sahaja tidak realistik, malah berfungsi untuk menyamarkan keputusan epistemik yang tetap berlaku dalam proses kuratorial. Pemilihan objek, penentuan kategori dan pembinaan naratif sentiasa mencerminkan andaian tertentu tentang apa yang dianggap bermakna dan sah. Oleh itu, neutraliti dalam museologi sekular bukan ketiadaan nilai, tetapi keutamaan nilai tertentu yang tidak diakui secara eksplisit (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000).

Prinsip amanah memperkukuh kritikan ini dengan menegaskan bahawa kurator dan institusi tidak boleh bersembunyi di sebalik dakwaan neutraliti untuk mengelakkan tanggungjawab epistemik. Setiap tafsiran membawa kesan terhadap kefahaman awam dan, oleh itu, perlu dipertanggungjawabkan secara moral dan intelektual.

Implikasi terhadap Konsep Objektiviti dan Tafsiran

Dalam museologi sekular, objektiviti sering difahami sebagai pematuhan kepada prosedur saintifik, dokumentasi empirikal dan bahasa profesional. Walaupun pendekatan ini penting untuk ketepatan fakta,

ia tidak menyelesaikan persoalan epistemologi yang lebih mendalam tentang makna dan tujuan pengetahuan.

Kerangka tauhid dan amanah menggeser konsep objektiviti daripada pematuhan prosedur semata-mata kepada kesetiaan terhadap kebenaran makna dan adab tafsiran. Objektiviti, dalam kerangka ini, tidak bermaksud ketiadaan perspektif, tetapi kejujuran epistemik dalam memahami objek dan tradisi yang diwakili. Tafsiran yang beradab bukan tafsiran yang bebas nilai, tetapi tafsiran yang sedar akan batas autoriti dan tanggungjawabnya (al-Attas, 1993; Nasr, 1989).

Implikasi ini amat ketara dalam pameran warisan Islam, di mana pemisahan antara estetika dan makna normatif sering menghasilkan tafsiran yang pincang. Kerangka tauhid menuntut agar tafsiran tidak memutuskan hubungan antara objek dan sistem ilmu yang melahirkannya, manakala amanah menuntut ketepatan dan kejujuran dalam penyampaian makna tersebut.

Perubahan Peranan Kurator dan Institusi

Dalam museologi sekular, kurator sering digambarkan sebagai pakar teknikal atau fasilitator neutral yang menyediakan ruang kepada pelbagai tafsiran. Kerangka tauhid–amanah mencabar gambaran ini dengan menegaskan bahawa kurator merupakan agen epistemik yang memegang amanah terhadap ilmu dan makna.

Perubahan ini tidak bermaksud kurator menjadi pendakwah atau penguasa makna mutlak. Sebaliknya, ia menuntut kesedaran yang lebih mendalam tentang implikasi epistemik setiap keputusan kuratorial. Kurator tidak lagi hanya bertanya bagaimana untuk mempamerkan, tetapi juga apakah makna yang wajar dipertanggungjawabkan dan apakah kesan pedagogi dan sosial tafsiran ini.

Implikasi ini turut mengubah peranan institusi muzium daripada ruang pameran kepada institusi pendidikan yang memikul tanggungjawab epistemik. Muzium bukan sekadar medan dialog terbuka tanpa orientasi, tetapi ruang pembentukan kefahaman yang terarah kepada kebenaran dan keadilan makna.

Had Dekolonisasi dalam Kerangka Sekular

Wacana dekolonisasi dalam museologi telah berjaya mendedahkan bias kolonial dan ketidakseimbangan kuasa dalam representasi warisan. Namun, kerangka tauhid–amanah menunjukkan bahawa dekolonisasi yang beroperasi sepenuhnya dalam epistemologi sekular masih mempunyai had struktur.

Apabila dekolonisasi terhad kepada isu representasi dan suara, tanpa menilai asas ontologi dan epistemologi pengetahuan, perubahan yang berlaku cenderung bersifat kosmetik. Warisan Islam mungkin diwakili dengan lebih sensitif, tetapi masih ditafsir melalui kategori sekular yang memisahkan agama daripada autoriti makna. Dalam konteks ini, kerangka tauhid dan amanah menawarkan satu bentuk dekolonisasi epistemik, iaitu pembebasan daripada struktur pengetahuan yang secara sistematik mengehadkan cara Islam difahami dalam institusi awam (Asad, 2003; Smith, 2006).

Menuju Museologi Pasca-Sekular

Implikasi akhir kerangka tauhid dan amanah ialah kemungkinan untuk membayangkan satu bentuk museologi pasca-sekular yang mengiktiraf bahawa agama boleh berfungsi sebagai sumber epistemologi yang sah dalam institusi awam. Ini tidak bermaksud menolak pluralisme atau dialog, tetapi menolak andaian bahawa sekulariti merupakan satu-satunya asas rasional bagi pengetahuan awam.

Museologi pasca-sekular yang berasaskan tauhid dan amanah mengiktiraf bahawa setiap tradisi mempunyai kerangka epistemologinya sendiri, dan bahawa keadilan epistemik menuntut pengiktirafan terhadap kerangka tersebut dalam pengurusan warisan. Dalam konteks ini, museologi Islam tidak sekadar menawarkan alternatif tempatan, tetapi menyumbang kepada perbahasan global tentang bagaimana institusi pengetahuan dapat menangani warisan agama secara lebih berautoriti dan bertanggungjawab (Taylor, 2007).

Perbincangan ini membuka ruang kepada analisis empirik yang lebih konkrit, khususnya melalui kajian kes terpilih yang dapat menunjukkan bagaimana implikasi teori ini terzahir dalam amalan permuziuman sebenar. Bahagian seterusnya akan meneliti aplikasi kerangka tauhid–amanah dalam konteks muzium di Malaysia bagi menilai kebolehoperasian epistemologi yang dicadangkan.

MATRIKS IMPLIKASI KERANGKA TAUHID–AMANAH TERHADAP MUSEOLOGI SEKULAR

Jadual 2

Matriks Implikasi Kerangka Tauhid

Aspek Museologi Sekular	Andaian Teras Museologi Sekular	Kritikan Melalui Kerangka Tauhid	Pengukuhan Melalui Prinsip Amanah	Implikasi Terhadap Museologi Islam
<i>Neutrality</i> Muzium	Fakta dipisahkan daripada nilai	Tolak pemisahan fakta–nilai	Tafsiran mesti dipertanggungjawabkan	<i>Neutrality</i> diganti dengan akauntabiliti epistemik
Objektiviti Pengetahuan	Objektiviti = prosedur saintifik & bahasa profesional	Objektiviti difahami sebagai kesetiaan kepada kebenaran makna	Kejujuran epistemik & adab tafsiran diwajibkan	Objektiviti beradab, bukan bebas nilai
Tafsiran Artifak	Artifak sebagai objek estetik / sejarah	Artifak sebahagian daripada sistem ilmu & makna	Larangan pengasingan daripada konteks	Pembawa amanah makna
Peranan Kurator	Pakar teknikal / fasilitator <i>neutral</i>	Penafsir dalam horizon makna	Memikul amanah ilmu dan kesan tafsiran	Agen epistemik

Aspek Museologi Sekular	Andaian Teras Museologi Sekular	Kritikan Melalui Kerangka Tauhid	Pengukuhan Melalui Prinsip Amanah	Implikasi Terhadap Museologi Islam
Fungsi Muzium	Ruang pameran & dialog terbuka	Institusi pembentukan kefahaman	Tanggungjawab pedagogi dan sosial ditekankan	Institusi ilmu & pendidikan
Dekolonisasi	Fokus pada representasi & suara	Menunjukkan had dekolonisasi tanpa perubahan epistemologi	Tuntutan keadilan epistemik	Dekolonisasi epistemik, bukan kosmetik
Pluraliti Tafsiran	Relativisme makna diterima	Kepelbagaian dalam batas kebenaran	Kawalan pluraliti melalui adab & tanggungjawab	Pluraliti tanpa kehilangan autoriti makna

Ringkasan Huraian Analitik Matriks

Matriks ini memperlihatkan bahawa implikasi kerangka tauhid dan amanah terhadap museologi sekular berlaku pada tahap epistemologi asas, bukan sekadar pada tahap etika atau representasi. Setiap aspek teras museologi sekular iaitu neutraliti, objektiviti, tafsiran, peranan kurator dan dekolonisasi dianalisis semula melalui dua lapisan utama: tauhid sebagai prinsip penstrukturan makna dan amanah sebagai prinsip akauntabiliti epistemik.

Tauhid berfungsi untuk mendedahkan keterbatasan epistemologi sekular, khususnya pemisahan antara fakta dan nilai serta kecenderungan relativisme makna. Melalui tauhid, pengetahuan muzium difahami sebagai terarah kepada kebenaran dan keadilan, bukan sekadar maklumat deskriptif. Ini membawa kepada penolakan dakwaan neutraliti sebagai ketiadaan nilai, dan sebaliknya menafsirkannya sebagai satu bentuk keutamaan nilai yang tidak diakui.

Amanah pula memastikan bahawa penstrukturan makna oleh tauhid diterjemahkan ke dalam tanggungjawab konkrit institusi. Ia mengikat tafsiran, naratif dan peranan kurator dengan tanggungjawab moral, intelektual dan pedagogi terhadap khalayak. Dalam kerangka ini, kurator dan institusi tidak boleh bersembunyi di sebalik profesionalisme teknikal untuk melepaskan tanggungjawab terhadap kesan epistemik dan sosial pameran.

Gabungan kedua-dua prinsip ini menghasilkan satu anjakan daripada museologi sekular kepada museologi pasca-sekular, iaitu satu pendekatan yang mengiktiraf agama sebagai sumber epistemologi yang sah dalam institusi awam. Oleh itu, museologi Islam tidak sekadar menawarkan pembetulan representasi warisan Islam, tetapi memperkenalkan satu kerangka pengetahuan alternatif yang mencabar struktur epistemologi sedia ada dan memperluas perbincangan global tentang keadilan epistemik dalam institusi muzium.

KAJIAN KES TERPILIH: APLIKASI KERANGKA EPISTEMOLOGI MUSEOLOGI ISLAM DALAM KONTEKS MUZIUM DI MALAYSIA

Untuk menilai kebolehoperasian kerangka tauhid dan amanah sebagai satu epistemologi institusi, bahagian ini meneliti satu kajian kes terpilih dalam konteks muzium di Malaysia. Kajian kes ini tidak bertujuan menilai keberkesanan institusi secara kuantitatif atau membandingkan prestasi antara muzium, sebaliknya meneliti bagaimana struktur pengetahuan, naratif dan autoriti makna dapat dibaca melalui lensa epistemologi Islam.

Rasional Pemilihan Kajian Kes

kes tertumpu kepada Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan, Pahang, sebuah muzium negeri yang menempati bangunan bersejarah yang asalnya dibina pada tahun 1929 sebagai kediaman Residen British. Bangunan ini kemudiannya dijadikan istana rasmi Al-Marhum Sultan Abu Bakar pada tahun 1948 sebelum diambil alih oleh Lembaga Muzium Negeri Pahang pada 17 Mac 1976 dan dirasmikan sebagai muzium pada 21 Oktober 1976. Muzium ini mempamerkan warisan kesultanan Melayu Pahang yang merangkumi dimensi sejarah politik, adat istiadat dan Islam. Pemilihan muzium ini adalah kerana pamerannya memperlihatkan hubungan erat antara Islam, institusi pemerintahan dan pembentukan identiti negeri, sekali gus menyediakan konteks yang sesuai untuk menilai bagaimana warisan Islam ditafsir dan dipersembahkan dalam ruang awam.

Kepentingan muzium ini terletak bukan pada labelnya sebagai muzium Islam, tetapi pada struktur naratif dan cara makna dibina. Hal ini membolehkan analisis terhadap sama ada prinsip tauhid dan amanah boleh dikesan sebagai logik epistemik yang menggerakkan pameran, walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit sebagai kerangka teori.

Struktur Naratif dan Prinsip Tauhid

Dari sudut epistemologi tauhid, pameran di Muzium Sultan Abu Bakar tidak disusun secara fragmentari mengikut kategori sekular yang memisahkan agama, politik dan budaya secara mutlak. Sebaliknya, naratif pameran menampilkan kesultanan Melayu sebagai institusi yang berakar pada Islam, adat dan *governan* secara saling berkait.

Sejarah pemerintahan, adat istiadat dan perkembangan Islam dipersembahkan sebagai satu kesinambungan makna, bukan sebagai domain yang terpisah. Struktur naratif ini mencerminkan prinsip tauhid sebagai kesatuan realiti dan makna, di mana agama tidak direduksi kepada ritual atau simbol, tetapi difahami sebagai asas yang membentuk institusi, nilai dan amalan sosial. Dalam kerangka ini, pameran tidak sekadar menjawab persoalan kronologi sejarah, tetapi membina kefahaman tentang mengapa institusi kesultanan berfungsi sedemikian dalam tradisi Melayu-Islam. Pendekatan ini berbeza secara epistemik daripada museologi sekular yang lazimnya mengasingkan agama sebagai satu kategori budaya. Di sini, Islam berfungsi sebagai kerangka makna, bukan sekadar kandungan pameran.

Kajian terhadap tiga galeri utama di Muzium Sultan Abu Bakar iaitu Galeri Islam di Pahang, Galeri Kesultanan Melayu Pahang - Daulat Tuanku dan Galeri Kehambaan mendapati bahawa pemilihan artifak dan pembinaan naratifnya menggunakan falsafah Islam termasuk tauhid, *wasatiyyah* (kesederhanaan), budaya ilmu dan pendekatan rasionalistik. Penemuan ini menunjukkan bahawa kerangka tauhid-amanah bukan sekadar konstruk teori, tetapi telah pun beroperasi secara praktikal dalam institusi muzium ini. Umpamanya di Galeri Islam di Pahang, semua koleksi manuskrip

al-Quran lama dan kitab turath tidak dipamerkan semata-mata sebagai objek seni khat atau artifak sejarah. Sebaliknya, setiap manuskrip disertakan dengan teks panel yang menerangkan fungsi keagamaannya dalam masyarakat Melayu Pahang, seperti digunakan dalam majlis bacaan al-Quran, upacara keagamaan istana, dan sebagai sumber rujukan ulama tempatan. Pendekatan ini mencerminkan prinsip tauhid kerana ia tidak memisahkan objek sakral daripada fungsi ibadah dan keilmuan yang melahirkannya.

Amanah dalam Pengurusan Objek dan Makna

Prinsip amanah dapat dikesan melalui cara artifak dipersembahkan bersama konteks asalnya. Artifak tidak dipamerkan sebagai objek visual yang terasing, tetapi dirangkaikan dengan fungsi, simbolisme dan kedudukannya dalam struktur sosial dan institusi Melayu-Islam. Pendekatan ini mengurangkan risiko penyahkonteksan makna yang sering berlaku apabila artifak agama dipersembahkan semata-mata sebagai objek seni atau warisan estetika.

Amanah terhadap objek di sini bukan hanya soal pemeliharaan fizikal, tetapi juga pemeliharaan makna. Artifak difahami sebagai pembawa amanah sejarah dan nilai, bukan sebagai bahan pameran neutral. Ini selari dengan prinsip epistemologi Islam yang melihat ilmu dan simbol sebagai tanggungjawab, bukan sekadar maklumat (al-Attas, 1993; Kamali, 2010).

Sebagai contoh, dari segi pengurusan objek sakral, Muzium Sultan Abu Bakar mempunyai prosedur khusus dalam pengendalian naskhah al-Quran kuno dan kitab *turath*. Objek-objek tersebut disimpan di dalam ruang khas yang mempunyai kawalan suhu dan kelembapan yang sesuai. Selain itu, tidak semua golongan pengunjung dibenarkan menyentuh objek-objek tersebut secara langsung. Apabila hendak dipamerkan, naskhah al-Quran kuno dan kitab *turath* itu diletakkan di dalam kes pameran yang tertutup dengan pencahayaan yang terkawal. Panel interpretasi turut disediakan bagi mengingatkan pengunjung tentang adab ketika menghadapi mushaf. Amalan sedemikian mencerminkan prinsip amanah dalam pemeliharaan fizikal dan simbolik warisan Islam.

Amanah dalam Pembinaan Naratif dan Bahasa Interpretasi

Amanah juga terzahir dalam bahasa interpretasi dan pembinaan naratif pameran. Tafsiran yang disampaikan mengelakkan sensasi, stereotaip atau pengasingan Islam sebagai unsur eksotik. Sebaliknya, Islam dipersembahkan sebagai sebahagian daripada sistem kehidupan dan governan, dengan penekanan kepada kesinambungan sejarah dan perubahan konteks sosial.

Bahasa pameran yang digunakan tidak bersifat relativistik tanpa orientasi, tetapi membimbing pengunjung kepada kefahaman yang teratur tentang hubungan antara agama, kuasa dan adat. Dalam kerangka amanah, pendekatan ini mencerminkan tanggungjawab epistemik untuk mendidik, bukan sekadar mempamerkan. Muzium berfungsi sebagai institusi pedagogi yang membentuk cara memahami sejarah dan identiti, sejajar dengan peranan yang diuraikan dalam museologi kritikal (Hooper-Greenhill, 2000).

Berdasarkan pemerhatian terhadap teks panel di Galeri Islam, bahasa yang digunakan merupakan gabungan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan nada yang bersifat mendidik dan berwibawa, bukannya bersifat relatif. Sebagai contoh, panel yang menerangkan sumbangan ulama Pahang dalam bidang *fiqh* tidak menggunakan frasa seperti "menurut sesetengah pihak" atau "kononnya". Sebaliknya, panel tersebut menyatakan fakta dengan jelas berdasarkan rujukan manuskrip dan catatan sejarah yang

otoritatif. Pendekatan ini mencerminkan amanah epistemik kerana pihak kurator tidak bersembunyi di sebalik dakwaan *neutrality* yang palsu. Sebaliknya, mereka menyampaikan maklumat dengan penuh tanggungjawab terhadap kebenaran.

Kurator sebagai Agen Epistemik

Kajian kes ini juga memperlihatkan implikasi kerangka tauhid dan amanah terhadap peranan kurator. Kurator tidak berfungsi sebagai fasilitator neutral yang hanya menyediakan ruang kepada pelbagai tafsiran, tetapi sebagai agen epistemik yang memikul tanggungjawab terhadap makna yang disampaikan. Keputusan kuratorial daripada pemilihan tema, susunan ruang hingga bahasa interpretasi mencerminkan kesedaran terhadap implikasi epistemik dan pedagogi pameran.

Peranan ini tidak menjadikan kurator sebagai pemilik kebenaran mutlak, tetapi sebagai penjaga amanah makna. Dalam konteks ini, pluraliti tafsiran diiktiraf, namun berada dalam batas tanggungjawab terhadap kebenaran sejarah dan tradisi ilmu Islam. Umpamanya, Muzium Sultan Abu Bakar kerap mengadakan aktiviti pameran tokoh-tokoh tamadun Islam, di mana petugas muzium melakonkan watak ilmuan Islam seperti al-Attas dan tokoh lain bagi menarik minat pelajar. Aktiviti ini menunjukkan bahawa kurator dan petugas muzium bertindak sebagai pendidik aktif, bukan sekadar penjaga koleksi pasif. Dalam kerangka amanah, peranan ini menuntut agar setiap representasi watak ilmuan Islam dilakukan dengan tepat dan penuh adab, kerana ia membentuk kefahaman generasi muda tentang warisan intelektual Islam. Peranan ini tidak menjadikan kurator sebagai pemilik kebenaran mutlak, tetapi sebagai penjaga amanah makna. Dalam konteks ini, pluraliti tafsiran diiktiraf, namun berada dalam batas tanggungjawab terhadap kebenaran sejarah dan tradisi ilmu Islam.

Sintesis Analitik: Teori yang Berfungsi

Kajian kes Muzium Sultan Abu Bakar menunjukkan bahawa kerangka tauhid dan amanah boleh berfungsi sebagai epistemologi institusi walaupun tidak dinyatakan secara formal dalam dokumen dasar atau kod etika. Prinsip tauhid dapat dikesan pada tahap struktur naratif dan kesatuan makna, manakala prinsip amanah beroperasi pada tahap pengurusan objek, pembinaan naratif dan peranan kurator.

Ini membuktikan bahawa museologi Islam tidak bergantung kepada simbol atau retorik Islamik semata-mata, tetapi kepada logik epistemik yang menyusun cara pengetahuan dihasilkan dan dipertanggungjawabkan. Kajian kes ini sekali gus menunjukkan bahawa kerangka tauhid-amanah bukan sahaja sah secara teoritikal, tetapi berdaya guna dalam amalan permuziuman sebenar.

Bahagian ini menyediakan asas empirik untuk kesimpulan kajian, yang akan merumuskan sumbangan teoritikal dan implikasi lebih luas museologi Islam terhadap perbincangan global dalam bidang museologi dan kajian warisan.

KESIMPULAN

Kajian ini berhujah bahawa permasalahan utama dalam pengurusan warisan Islam di muzium bukan pada kekurangan etika atau sensitiviti budaya, tetapi pada asas epistemologi museologi sekular yang memisahkan agama daripada autoriti pengetahuan awam. Pemisahan ini mereduksi Islam kepada estetika, etnografi atau kronologi sejarah, sekaligus menyingkirkan dimensi ilmu, adab dan tanggungjawab normatif dalam tradisi Islam.

Sebagai alternatif, kajian ini mengemukakan kerangka epistemologi museologi Islam berasaskan tauhid dan amanah. Tauhid berfungsi sebagai prinsip ontologi dan epistemologi yang menyatukan realiti, makna dan tujuan pengetahuan. Amanah pula berperanan sebagai prinsip tanggungjawab epistemik dalam penghasilan, tafsiran dan penyampaian makna. Gabungan kedua-duanya membina logik dalaman institusi yang menentukan autoriti makna dan akauntabiliti pengetahuan.

Sumbangan teori utama kajian ini ialah peralihan wacana museologi Islam daripada domain normatif kepada domain epistemologi institusi. Museologi Islam tidak lagi difahami sebagai variasi etika dalam kerangka sekular, tetapi sebagai sistem pengetahuan yang berdiri di atas asas ontologi dan epistemologinya sendiri. Pendekatan ini menawarkan dekolonisasi epistemik dengan mencabar struktur pengetahuan yang mengehadkan pemahaman warisan Islam di ruang awam.

Implikasi utama kajian ini ialah keperluan menilai semula konsep *neutrality*, objektiviti dan pluraliti tafsiran dalam museologi sekular. Neutraliti sering menyamar kuasa epistemik, manakala pluraliti tanpa tanggungjawab merelatifkan makna agama. Sebaliknya, museologi Islam berasaskan tauhid–amanah mengiktiraf kepelbagaian tafsiran dalam batas adab, kebenaran dan tanggungjawab epistemik.

Kajian kes di Malaysia mengesahkan bahawa kerangka ini berdaya guna. Prinsip tauhid dikesan pada struktur naratif dan kesatuan makna, manakala prinsip amanah beroperasi dalam pengurusan objek, pembinaan naratif dan peranan kurator sebagai agen epistemik. Ini membuktikan museologi Islam boleh berfungsi sebagai epistemologi institusi tanpa pelabelan eksplisit.

Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada perbahasan global museologi kritikal dengan memperkenalkan kerangka museologi pasca-sekular yang mengiktiraf agama sebagai sumber epistemologi yang sah. Kerangka tauhid–amanah membuka ruang perbincangan rentas tradisi tentang keadilan epistemik, autoriti makna dan tanggungjawab institusi budaya. Justeru, museologi Islam berpotensi menjadi sumbangan teori yang signifikan dalam wacana museologi antarabangsa, khususnya dalam menangani warisan sakral secara berautoriti, beradab dan bertanggungjawab.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Asad, T. (2003). *Formations of the secular: Christianity, Islam, modernity*. Stanford University Press. <https://doi.org/10.1515/9780804783095>
- Bennett, T. (1995). *The birth of the museum: History, theory, politics*. Routledge.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). Sage Publications.
- Flood, F. B. (2009). *Objects of translation: Material culture and medieval "Hindu-Muslim" encounter*. Princeton University Press.
- Hooper-Greenhill, E. (2000). *Museums and the interpretation of visual culture*. Routledge.
- International Council of Museums. (2022). *ICOM defines museums*. <https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>
- Ismail, A. H., Abdul Rahim, R. A., & Mohamad Kamil, I. M. (2025). Konsep muzium dalam perspektif Barat dan isu kearifan tempatan Melayu-Islam: Satu sorotan awal. *MINDEN: Journal of History and Archaeology*, 2(1), 179–194. <https://ejournal.usm.my/mjha/article/view/4957>
- Kamali, M. H. (2010). *Shari'ah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Macdonald, S. (2013). *Memorylands: Heritage and identity in Europe today*. Routledge.
- Nasr, S. H. (1989). *Knowledge and the sacred*. State University of New York Press.
- Shaw, W. M. K. (2019). *What is "Islamic" art? Between religion and perception*. Cambridge University Press.
- Smith, L. (2006). *Uses of heritage*. Routledge.
- Streckert, K. (2022). *Decolonising the Islamic art gallery: A critical museology approach* [Unpublished master's thesis]. University of Leicester. https://leicester.figshare.com/articles/thesis/Decolonising_the_Islamic_Art_Gallery/21924705
- Taylor, C. (2007). *A secular age*. Harvard University Press.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). Sage Publications.